



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (34)04/B/PI/668/2/JIL 2

9 Oktober 2024

Semua Pemegang Lesen

PERINGATAN KEDUA

**Peniaga Buah Sawit
Peniaga Minyak/Isirung Sawit
Bahan Tanaman Sawit/Nurseri Sawit**

Tuan,

**PERINGATAN PENGISIAN MAKLUMAT GUNA TENAGA 2024 SECARA ONLINE
(SISTEM E-GUNATENAGA) BAGI SEKTOR PENIAGA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas serta surat Lembaga Ruj. (32)/04/B/PI/668/2 JIL 2 bertarikh 6 September 2024 adalah berkaitan.

2. Seperti yang tuan sedia maklum, tempoh pengisian maklumat guna tenaga 2024 secara *online* melalui sistem e-gunatenaga telah **berakhir pada 30 September 2024**. Namun begitu, sehingga kini pihak kami masih **belum menerima maklum balas** daripada pihak tuan.

3. Di bawah **Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005** menyatakan, "**Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi tiap-tiap syarat yang dikenakan berhubung dengan tiap-tiap kategori yang dinyatakan dalam lesen**", dan **Jadual Keenam, Para 5, Syarat-syarat Am Bagi Semua Pemegang Lesen** menyatakan bahawa "**Pemegang lesen hendaklah, dari semasa ke semasa, mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga**".

4. Sementara itu, **Peraturan 21(2)**, peraturan yang sama menyatakan "**Seorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM200,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya**".



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QAS 02602



18 - 20 November 2025
Kuala Lumpur Convention Centre

5. Sehubungan itu, tuan adalah diberi **PERINGATAN KEDUA** untuk mengisi maklumat guna tenaga tersebut secara *online* di laman sesawang <https://e-gunatenaga.mpob.gov.my> **SEBELUM ATAU SELEWAT-LEWATNYA PADA 30 OKTOBER 2024**. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pegawai seperti di **LAMPIRAN 1**. Kegagalan pihak tuan dalam memberikan maklum balas **SEGERA** ke atas bancian yang dijalankan ini, boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas syarikat tuan.

6. Sekiranya, pihak tuan mempunyai masalah untuk mengisi maklumat gunatenaga tersebut secara atas talian, mohon gunakan borang manual seperti di **LAMPIRAN 2**. Borang yang telah lengkap boleh dihantar melalui faks / pos / emel seperti yang dinyatakan di borang tersebut.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



.....
NORFADILAH HASHIM

Ketua Unit Pembangunan Industri
Bahagian Ekonomi Dan Pembangunan Industri
b.p. Ketua Pengarah MPOB

s.k. Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan)
Pengarah Bahagian Ekonomi Dan Pembangunan Industri
Pengarah Bahagian Pelesenan Dan Penguatkuasaan
Ketua Unit Penguatkuasaan
Ketua Pejabat Wilayah

AKSES UNTUK LAMAN SESAWANG e-GUNATENAGA
(<http://e-gunatenaga.mpob.gov.my>)

Adalah dimaklumkan Nombor Lesen dan Kata Laluan anda untuk mengakses laman Sesawang e- Gunatenaga (<http://e-gunatenaga.mpob.gov.my>) adalah seperti berikut:

Nombor Lesen : (Seperti yang diberikan oleh MPOB)

Kata Laluan :

- 1) **SEPERTI YANG DIGUNAKAN SEMASA PENGISIAN e-GUNATENAGA PADA TAHUN 2023**
- 2) **BAGI PELESEN BARU, SILA GUNAKAN 123456**



Anda adalah dinasihatkan supaya menukar Kata Laluan dengan segera selepas mengakses laman e-GUNATENAGA.

Nama Pegawai Untuk Dihubungi :

KATEGORI PENIAGA	NO. TELEFON	EMEL
<u>PENIAGA BUAH SAWIT</u>		
Cik Rohidayati Sukhaila Sabarudin	03 - 7802 2991	rohidayati@mpob.gov.my
Cik Siti Nuraisyah Yushaimy (Johor)	03 - 7802 2916	siti.nuraisyah@mpob.gov.my
<u>PENIAGA MINYAK & ISIRUNG SAWIT</u>		
Pn. Nurul Hufaidah Sharif	03 - 7802 2824	hufaidah@mpob.gov.my
Cik Nurul Mastura Romli	03 - 7802 2816	nurul.mastura@mpob.gov.my
<u>BAHAN TANAMAN SAWIT</u>		
Cik Siti Nuraisyah Yushaimy	03 - 7802 2916	siti.nuraisyah@mpob.gov.my
Pn. Siti Suziyana Mohd Omar	03 - 7802 2820	suziyana@mpob.gov.my



NAMA KILANG/SYARIKAT :
 NO. LESEN MPOB :
 NEGERI PREMIS :
 TARIKH HANTAR :

MAKLUMAT GUNATENAGA BAGI KATEGORI PENIAGA MINYAK JUN - 2024

	Warganegara Tempatan								Warganegara Asing								Bilangan Pekerja		
	Bilangan Pekerja					Pendapatan			Bilangan Pekerja					Pendapatan			Kekurangan	Keperluan Tambahan	
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah	Purata Gaji (RM)	Purata Elaun (RM)	Jumlah	Indonesia	Bangladesh	Nepal	Lain-lain	Jumlah	Purata Gaji (RM)	Purata Elaun (RM)	Jumlah	(2024)	(2025)	(2026)
A. Pengurusan dan Eksekutif																			
Pengurus Besar / Pengarah Urusan																			
Pengurus																			
Penolong Pengurus																			
Akauntan																			
Jurutera																			
Penolong Jurutera																			
Ahli Kimia																			
Pegawai Keselamatan																			
Pegawai Pentadbiran																			
Lain-lain Eksekutif / Pegawai																			
B. Teknik & Penyeliaan																			
Mekanik																			
Juruteknik																			
Pembantu Makmal																			
Atendan Makmal																			
Penyelia																			
Pekerja Kawalan Quality (QCC)																			
C. Pekerja Am Pentadbiran																			
Setiausaha																			
Kerani / Jurutaip																			
Store Keeper																			
Operator Mesin Timbang																			
Pelayan Pejabat																			
Tukang Kebun																			
Pengawal Keselamatan																			
D. Pekerja Am																			
Pekerja Am / Operator Pengeluaran																			

Saya mengaku bahawa keterangan diberi adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

NAMA PEGAWAI YANG MELAPOR :
 JAWATAN RASMI :
 EMEL :
 TELEFON :
 FAKS :

NOTA :

KEMBALIKAN BORANG YANG TELAH LENGKAP MELALUI POS KE ALAMAT : SEKSYEN PENIAGA (UPI), WISMA SAWIT, LOT 6, SS 6, JALAN PERBANDARAN, 47301 KELANA JAYA, SELANGOR.

KEMBALIKAN BORANG YANG TELAH LENGKAP MELALUI EMEL : hufaidah@mpob.gov.my / nurul.mastura@mpob.gov.my